

08 AUG 1997

Mahathir-Ringggit

UMNO PUASHATI DENGAN KEDUDUKAN NILAI RINGGIT

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Majlis Tertinggi Umno hari ini berpuas hati dengan kedudukan Ringgit sekarang walaupun nilainya turun dan kerajaan tidak akan campur tangan.

"Kita berpuas hati dengan kedudukannya sekarang dan kita tidak akan buat apa-apa," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno selama empat jam di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Katanya Umno yakin nilai mata wang ringgit akan pulih semula memandangkan mata wang Paun Britain pernah diserang menyebabkan nilainya jatuh tetapi dapat pulih semula sehingga menjadi salah satu mata wang yang terkuat di dunia sekarang.

Mesyuarat Majlis Tertinggi hari ini yang pertama dipengerusikan Dr Mahathir sekembalinya daripada bercuti di luar negara selama dua bulan pada 22 Julai lepas.

Bila ditanya kenapa kerajaan tidak mahu campur tangan, Dr Mahathir berkata "kita dapati kejatuhan nilai Ringgit tidak begitu banyak sangat. Sebenarnya mata wang Deutsche Mark jatuh 17 peratus sedangkan mata wang kita hanya jatuh lima peratus."

Beliau juga berkata bahawa beliau tidak berganjak dengan pendiriannya mengenai kejatuhan Ringgit terutama berkaitan dengan campur tangan dan manipulasi oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab seperti pembiaya kewangan Amerika Syarikat George Soros.

"Saya masih tidak bersetuju dengan anggapan bahawa sesiapa sahaja boleh mempermain-mainkan mata wang kita, (jika itu berlaku bermakna) kita sudah hilang kedaulatan kita."

Dr Mahathir bagaimanapun berkata Malaysia tidak begitu terjejas sebagaimana dialami negara-negara lain apabila mata wang mereka jatuh.

"Malaysia bersimpati dengan negara-negara berkenaan."

Beliau berkata selagi ada orang seperti Soros yang boleh mempermain-mainkan mata wang negara lain, tiada sebuahpun negara yang akan selamat.

"Mengapa mesti sebuah negara berdaulat dicabuli oleh orang seperti Soros," katanya.

Dr Mahathir juga berkata Majlis Tertinggi turut membincangkan mengenai gejala rasuah dan bersetuju dengan tindakan kerajaan memerangi gejala rasuah sehingga kini.

"Kita bersetuju dengan tindakan-tindakan yang telah diambil dan kita akan teruskan usaha membersihkan parti dan kerajaan dengan cara keseluruhannya," kata beliau.

Perdana Menteri juga memberi amaran kepada pihak tertentu supaya tidak memperalatkan Badan Pencegah Rasuah (BPR) bagi tujuan politik mereka.

"Kita telah buat undang-undang baru yang beri banyak kuasa kepada BPR, kita tidak mahu pihak tertentu peralatkan BPR dengan politik mereka dengan buat tuduhan-tuduhan yang dihebahkan kepada semua orang di mana tuduhan itu tiada asasnya," kata Dr Mahathir. -- BERNAMA

ARA MHI AHH